

17/11/1999

Annuar sedia tanding DUN

KUALA LUMPUR, Selasa - Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Annuar Musa bersedia bertanding kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) pada pilihan raya umum 29 November ini.

Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan itu bagaimanapun, berkata beliau menyerahkan soal itu kepada Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menentukannya.

"Saya bertanding bagi pihak parti (Umno). Oleh itu yang menentukannya adalah parti. Kalau parti mengarahkan saya tidak bertanding, saya bersedia. Cita-cita saya bukan untuk bertanding semata-mata tetapi melihat Barisan Nasional (BN) merampas semula Kelantan daripada kerajaan Pas.

"(Namun)...jika diminta bertanding bagi mana-mana kerusi, DUN atau Parlimen saya bersedia," katanya kepada pemberita selepas menemui Pengarah Kemas dari seluruh negara di kementeriannya di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai spekulasi kemungkinan beliau bertanding kerusi DUN pada pilihan raya umum kali ini. Annuar adalah Ahli Parlimen Peringat sebelum pembubaran Parlimen Khamis lalu.

Annuar berkata, perjuangan utama beliau untuk memastikan Kelantan ditawan sepenuhnya oleh BN.

Katanya, sebagai rakyat Kelantan beliau tidak rela melihat rakyat negeri itu terus dibelenggu kemiskinan, perbalahan, kemunduran, tersisih dan dipimpin oleh kerajaan yang dipenuhi angan-angan kosong.

(END)